**SYARAT KEMASUKAN BAGI PROGRAM PENGAJIAN LEPASAN MATRIKULASI/ASASI**
**SESI AKADEMIK 2019/2020**

<table>
<tr><th>Bil.</th><th>(i) Program Pengajian<br>(ii) Kod<br>(iii) Tempoh Pengajian</th><th>Kelayakan Minimum Matrikulasi/Asasi</th></tr>
<tr><td></td><td></td><td>Syarat Am Universiti<br><br>Mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu dan lulus dalam mata pelajaran Sejarah mulai tahun 2013. Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu kertas Julai diambil kira;<br>DAN<br>Mempunyai sijil Asasi Sains Pertanian UPM/Matrikulasi KPM/Asasi Sains UM/Asasi UiTM dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00;<br>DAN<br>Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 1 (Band 1) dalam Malaysian University English Test (MUET) mengikut tempoh sah laku.<br><br>(Syarat Khas Program Pendidikan)<br>a) Permohonan terbuka kepada Warganegara Malaysia sahaja;<br>b) Calon mestilah lulus dalam mata pelajaran Matematik di peringkat SPM;<br>c) Calon hendaklah berumur tidak melebihi 30 tahun semasa mengemukakan permohonan;<br>d) Calon hendaklah sihat tubuh badan, tidak mengidap apa-apa penyakit mental atau fizikal, dan berupaya mengikuti program-program yang dirangka untuk kursus ini;<br>e) Pemohon yang layak, perlu menduduki Ujian MEdSI dan melepasi tahap minimum Ujian MEdSI, lulus Ujian Khas yang ditetapkan serta diperakukan temu duga sebelum dipertimbangkan untuk ditawarkan ke Program Pendidikan.<br><br>Nota:<br>Tiada jaminan penempatan di sekolah-sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) selepas calon menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda Pendidikan di UA.</td></tr>
</table>